



UMP sedia hadapi cabaran globalisasi

ZULKHAIRIL ZAINUDDIN

KUANTAN – Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) diminta bersedia menerima dan menyerap cabaran globalisasi untuk membawa universiti maju ke hadapan.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, tumpuan hendaklah diberikan bagi memperkukuhkan asas-asas yang digariskan dalam Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 untuk menentukan hala tuju yang lebih cemerlang.

“Konsep urus tadbir korporat yang berpaksikan ketelusan, akauntabiliti yang boleh diramalkan dan penyertaan menjadi keutamaan bagi membawa UMP ke arah kecemerlangan di masa hadapan,” katanya sewaktu menyampaikan syarahan sempena 100 hari pentadbiran beliau sebagai Naib Canselor UMP.

Katanya, untuk memastikan modal insan di UMP mempunyai pemikiran global dengan mentaliti kelas pertama, Pembudayaan kecemerlangan



Dr Daing Nasir Ibrahim (kiri) mengagihkan puding lambuk kepada kakitangan UMP.

di kalangan warga kerja dan pelajar adalah menjadi keutamaan.

Menurutnya, untuk merealisasikan hasrat ini, warga UMP dipacu untuk berbudaya kerja cemerlang dengan ber-

fokuskan strategi berasaskan nilai dan berpanduan prestasi.

“Semua elemen tersebut perlu ada dalam diri setiap warga UMP kerana ia bakal menjadi penentu kejayaan se-

buah organisasi agar dapat beroperasi dengan cemerlang dan berkesan.

“Elemen ini turut mencerminkan budaya organisasi, jika budaya organisasi baik, maka secara langsung ia dapat

meningkatkan mutu kerja yang sekali gus akan menyumbang kepada kejayaan organisasi,” katanya.

Dr Daing Nasir berkata, budaya kerja yang hendak dibentuk perlulah menggambarkan komitmen pihak pengurusan dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti.

“Budaya kerja cemerlang bukan sahaja memenuhi konsep tetapi ia juga merupakan satu penghidupan kepada budaya yang lebih baik.

“Dalam hubungan ini, warga UMP hendaklah mempunyai gambaran yang jelas mengenai visi, misi, falsafah dan nilai teras UMP,” katanya.

Belia berkata, Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2008 – 2010 sebagai katalis untuk memacu kecemerlangan UMP.

“Sebanyak 10 faktor kritikal kejayaan yang dikenal pasti merupakan keutamaan yang memerlukan sinergi bersama warga UMP iaitu pembangunan modal insan, governan, pengajaran dan pembelajaran, akses dan sosioekonomi, penjaminan kualiti, penyelidikan, pem-

angunan dan pengkomersialan, pembelajaran sepanjang hayat, pengantarabangsaan, nilai tambah berasaskan teknologi dan mekanisme pembiayaan.

“Kita sudah pun mengenal pasti nilai teras supaya menjadi rujukan utama dan menjadi pegangan tanpa meminggirkan nilai lain.

“Kita juga perlu rujuk kepada objektif yang disasarkan dan setiap tindakan berpanduan prestasi. Dengan itu, kita boleh membudayakan warga UMP menjadi cemerlang,” katanya.

Beliau berkata, untuk mencapai matlamat menjadi universiti bertaraf dunia, cara kerja berpasukan di kalangan kakitangan, profesor, pensyarah dan penuntut amat diperlukan.

Kata Dr Daing Nasir, berteraskan budaya kerja, status unggul dan falsafah kerja betul, beliau percaya sasaran itu mampu dicapai bagi melahirkan graduan yang menjadi rebutan majikan dan tenaga kerjanya berkualiti yang diiktiraf di semua pihak.